

12 DEC 1996

M'SIA KRITIK SURUHANJAYA PBB MENGENAI PEMBANGUNAN MAPAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Malaysia hari ini menyelar Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Berkekalan (UNCSD) kerana kegagalannya melaksanakan prinsip-prinsip Sidang Kemuncak Bumi yang tidak mengikat.

"Malaysia akan menyoal UNSCD mengenai apa yang mereka telah lakukan sejak 1992; di mana rancangan-rancangan dan dana-dana untuk memastikan kejayaan pengurusan hutan tropika berkekalan di Sidang Kemuncak Bumi itu," Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata.

Pada sidang kemuncak perhutanan yang akan datang pada April 1997, Malaysia juga akan mendesak diadakan satu konvensyen mengenai perhutanan untuk melaksanakan prinsip-prinsip tidak mengikat Sidang Kemucak Bumi itu, tambahnya.

"Tunggu dan lihatlah berapa negara akan menentang cadangan itu," beliau memberitahu pemberita selepas pembukaan Bengkel Pengurusan Hutan dua hari di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di Kepong, dekat sini.

Dr Lim berkata Malaysia akan membelanjakan RM1.2 billion sehingga tahun 2000 untuk mematuhi garis panduan dan kriteria yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO).

Dr Lim juga berkata bantahan ke atas pembalakan hutan tropika di Malaysia telah berkurangan tetapi kumpulan-kumpulan alam sekitar asing kini menjadikan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara sebagai sasaran.

"Apabila pembalok kita pergi ke Papua New Guinea, mereka dikritik oleh NGO Australia; mereka ke Surinam, NGO Eropah pula, Brazil oleh NGO AS dan di negara-negara Afrika, oleh semua NGO tanpa sebarang fakta," tambahnya.

Katanya NGO asing digunakan sebagai "anjing gila" oleh syarikat-syarikat pembalakan asing untuk "menyalak" syarikat-syarikat pembalakan Malaysia yang telah menjadi lebih cekap dan kompetitif daripada mereka daripada negara-negara maju.

Para pembalok Malaysia dan Asia telah mahir dan telah memasuki "padang permainan" itu sebelumnya yang dikuasai oleh pembalok-pembalok Australia, Eropah dan Amerika, tambahnya.

Sambil menuduh NGO-NGO itu mengamalkan dwi standard, beliau menyebut sebagai contoh sikap membisu NGO terhadap operasi pembalakan Perancis di Gabon.

Pembalok-pembalok Perancis telah berada di Gabon selama 50 tahun, membawa pulang balak-balak terbaik ke Perancis tanpa sebarang pemprosesan hiliran, tambahnya.

Katanya apabila syarikat Malaysia pergi ke sana, NGO berkata: "Anda mesti mempunyai kilang pemprosesan hiliran, anda mesti mapan dan tidak boleh mengeksport balak."

Dr Lim turut membetulkan laporan Asian Wall Street Journal pada 11 Nov yang sebuah syarikat Malaysia membalak 11 juta ekar (27.5 juta hektar) di Brazil.

"Kita belumpun memulakan sebarang kerja di sana dan bukannya 11 juta ekar," katanya.

Syarikat Malaysia berpangkalan di Sarawak, WTK Enterprise, belum lagi memulakan pembalakan ke atas 300,000 hektar pegangan hutannya yang dibelinya daripada pihak berkuasa Brazil kerana ia masih menunggu kelulusan rancangan pengurusannya, tambahnya.

Beliau juga berkata Kabinet telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat balak Malaysia yang terbabit di dalam pembalakan di seberang laut patut

menggunakan pengurusan hutan mapan walaupun sekiranya tidak terdapat peraturan seumpamanya di negara tuan rumah itu.

"Mereka mestilah mengamalkan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu mempermakmurkan jiran kamu dan menjadi warga yang baik di negara tuan rumah," tambahnya.

Katanya Malaysia akan menggunakan amalan pengurusan perhutanan berkekalan kerana ia menguntungkan bagi negara berbuat demikian memandangkan "kita mahu mengeksport kayu untuk selama-lamanya." -- BERNAMA

JSM OS/sia